

25 MAY 1996

PM HADIR JAMUAN MALAM PARTI GERAKAN (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri jamuan malam Parti Gerakan sempena perayaan ulangtahun ke-28 dan perasmian ibu pejabat baru parti itu di Cheras di sini.

Yang hadir ialah isteri Dr Mahathir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, isteri beliau Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain.

Ibu pejabat Gerakan yang berharga RM70 juta itu dirasmikan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik awal hari ini.

Pembinaan bangunan 21 tingkat Menara Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) itu yang terletak di Jalan Pudu Ulu bermula pada November 1993.

Tetamu pada jamuan itu dihiburkan oleh penyanyi Hong Kong Sally Yeh. --  
BERNAMA

ES CR